



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 20 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI BELANJA LEBIH RM18 JUTA LAKSANA PJMKM DI TIGA NEGERI, LOKAL, HM -19 MAFI PERKASA KOMUNITI AGROMAKANAN LUAR BANDAR, NASIONAL, BH -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	DUA LADANG BABI DI KERIAN, PERAK DIKESAN ADA PENYAKIT ASF, NASIONAL, SH -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5.	FISHERMEN CAUTIOUSLY WEATHERING STORMY SEA, NATION, THE STAR -11 HARGA SAYUR NAIK SEHINGGA RM3, NASIONAL, BH -19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2022	HARIAN METRO	LOKAL	19

Mafi belanja lebih RM18 juta laksana PJMKM di tiga negeri

Bachok: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menerusi agensinya sudah membelanjakan lebih RM18 juta untuk melaksanakan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) membabitkan tiga buah negeri setakat ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata tiga negeri itu ialah Sabah, Melaka dan Kelantan.

"Sebanyak 146 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di ketiga-tiga negeri berkenaan sudah melaksa-

nakan PJMKM.

Mafi bersama agensi terutama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) komited untuk membantu meringankan beban rakyat menerusi penganjuran PJMKM," katanya kepada pemberita selepas melancarkan PJMKM Peringkat Kelantan di Pusat Khidmat Dun Tawang di sini.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri Tawang Datuk Hassan Mahamood, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan Mafi Zulfahmi Oth-

man dan Pengarah LKIM Kelantan Khuzaimah Husain.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata semua 45 kawasan Dun di Kelantan telah melaksanakan PJMKM dengan nilai jualan RM3 juta melibatkan 7,266 pelanggan.

"Antara barangan yang dipasarkan termasuk ayam, ikan dan hasil laut, telur ayam, gula, minyak masak, tepung gandum, beras dan sayur-sayuran dengan potongan harga sehingga 20 peratus daripada harga pasaran," katanya.

MAFI perkasa komuniti agromakanan luar bandar

Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran salur maklumat dasar kerajaan kepada rakyat

Oleh Hazsyah Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Beluran: Lebih 21,000 pengunjung membanjiri Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran yang dianjurkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Pasar Tamu Beluran pada Sabtu dan Ahad lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klандee, berkata program itu adalah rangkuman produk di bawah MAFI bertujuan membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar.

Beliau berkata, selain itu ia menyampaikan maklumat mengenai pendekatan serta dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di lapangan.

"Pelbagai aktiviti seperti Jualan Murah Keluarga Malaysia, My Best Buy Keluarga Malaysia, Kenduri Rakyat, Pameran Jabatan dan Agensi, Program Dialog Industri dan Peningkatan Kapasiti Nelayan, Program Agropreneur Muda, Sukan Rakyat serta Pemimpin Bersama Komuniti dilaksanakan sepanjang program.

"Program ini ialah usaha MAFI mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan melalui Kementerian serta memberikan jaminan terhadap komitmen serta usaha berterusan kerajaan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka," katanya dalam kenyataan media, kelmarin.

Pada program itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyaksikan sesi penyerahan Pasar Tamu Beluran baharu yang dihanguskan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kos RM746,000 kepada Majlis Daerah Beluran.

Katanya, projek naik taraf pasar tamu di Beluran siap pertengahan Mei lalu di bawah sumber peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 dan sebahagian daripada program pengekuan rangkaian peruncitan pasar tamu di Sabah dan Sarawak dengan matlamat memperkasakan pemasaran hasil pertanian.



Ronald melawat pentaga yang menyertai Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran di Pasar Tamu Beluran. (Foto Hazsyah Abdul Rahman/BH)



Pengunjung tidak melepaskan peluang membeli beras yang dijual RM1 sekilogram.

"Pembangunan rangkaian pemasaran kekal bagi memudahkan urusan antara usahawan dan pengunjung serta pihak berkuasa tempatan.

"Naik taraf pasar tamu itu memberi manfaat kepada 120 peserta memasarkan produk mereka, sekali gus membantu pengguna untuk mendapatkan produk pertanian dan industri makanan pada harga berpatutan di daerah Beluran," katanya.

Beliau turut mengumumkan penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan iaitu PNK ke-15 di Sabah serta proses penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Telupid yang kini dalam peringkat akhir.

"MAFI melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) merangka pelan strategik secara holistik merangkumi pembangunan sektor perikanan dan sosio-

ekonomi nelayan, sekali gus menunjukkan sumbangan besar sektor perikanan dalam pembangunan ekonomi negara.

"Penetapan sempadan PNK Paitan adalah dari Kampung Sungai Mepad hingga Kampung Sungai Memahat serta pulau di sekitarnya.

"Antara cadangan kegiatan ekonomi yang akan dilaksanakan di PNK Paitan adalah projek Agrotourism, Pemasaran Ikan dan Hasil Laut serta projek Kontrak dan Pembekalan," katanya.

Serah elau untuk nelayan

Ronald turut menyerahkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Laut RM193,275.80 kepada 650 nelayan Beluran.

Beliau memaklumkan, nilai bayaran ESHN Laut seluruh Sabah bagi tahun ini RM22,013,900 yang memanfaatkan 7,671 nela-

yan laut.

ESHN Darat di Daerah Beluran bawah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) bagi 2022 bernilai RM534,000 juga diserahkan pada hari sama yang memanfaatkan 178 nelayan darat.

Turut disampaikan, projek naik taraf dan bina 14 jeti di kawasan Parlimen Beluran melibatkan kos keseluruhan RM1.2 juta yang akan memberi kemudahan pendaratan ikan lebih baik kepada nelayan setempat.

Bagi pengunjung, Rizan Hamzah, 45, yang juga nelayan dan berasal dari Kampung Tebatuan, berkata dia bertolak seawal jam 8 pagi ke program berkenaan yang belum pernah diadakan di daerah terbabit.

Menurutnya, dia ke program itu kerana mahu mendapatkan barangan pertanian dan makanan yang dijual harga murah.

Saya beratur mendapatkan kupon seawal jam 8 pagi dan memang ramai pengunjung berbaris untuk membeli beras. Saya berjaya dapatkan dua kampil beras hanya RM10



Borhan Lundu, Pesara

Saya bersyukur kerana diberikan bantuan bakul makanan berisi beras dan keperluan memasak lain



Rahmah Sharif Shei, Suri rumah

"Antara barangan yang murah adalah minyak masak, tepung, dan beras. Misalnya, beras lima kilogram (kg) dijual RM5 sahaja, bermaksud RM1 untuk 1kg. Memang sangat murah dan ini kali pertama diadakan di daerah ini.

"Sebagai nelayan kami boleh menuntut ESHN RM300 kerana terdapat kaunter tuntutan elau yang dibuka sepanjang program ini," katanya ketika ditemui pada Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran.

Jualan murah lebih kerap

Pesara swasta, Borhan Lundu, 61, berkata jualan murah barangan keperluan asas terutama beras perlu diadakan lebih kerap.

"Saya beratur mendapatkan kupon seawal jam 8 pagi dan memang ramai pengunjung berbaris untuk membeli beras. Saya berjaya mendapatkan dua kampil beras dengan hanya RM10.

"Jualan sebegini harus diteruskan dua bulan sekali, terutama di luar bandar," katanya.

Seorang lagi pengunjung yang juga antara penerima Bakul Makanan MAFI Prihatin, Rahmah Sharif Shei, 62, berkata dia tidak sangka dipilih sebagai antara penerima bakul makanan.

"Saya bersyukur kerana diberikan bantuan bakul makanan berisi beras dan keperluan memasak lain. Bantuan ini dapat menampung keperluan keluarga saya beberapa hari," katanya yang juga suri rumah.

Terdahulu, 1,000 bakul makanan disediakan kepada penerima pada program itu.

20/9/2022

SINAR
HARIAN

NASIONAL

11

Dua ladang babi di Kerian, Perak dikesan ada penyakit ASF

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) pada Isnin mengesan penyakit demam babi Afrika (ASF) di dua ladang babi komersial di daerah Kerian, Perak.

JPV dalam satu kenyataan memaklumkan, pengesanan itu dibuat melalui ujian *polymerase chain reaction* (PCR) oleh Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh pada 17 dan 18 Disember 2022.

"Setakat ini, wabak adalah terkawal dan jangkitan hanya berlaku di daerah Kerian. Pemindahan keluar babi dan produk babi dari zon pemantauan dikawal dengan ketat," kata kenyataan itu.

Menurut JPV, antara tindakan kawalan dan pencegahan rebakan penyakit ASF yang telah dilaksanakan termasuklah ladang dijangkiti telah disita dan ditahan daripada sebarang pergerakan keluar masuk babi serta kenderaan selain pemantauan, pemeriksaan klinikal dan pensampelan di ladang babi

komersial di kawasan terjangkit.

"Selain itu, tindakan suryajejan lapangan akan terus dipergiat dari masa ke masa dan siasatan serta pensampelan pada babi komersial di ladang serta rumah sembelih di Perak. Bilik gerakan Veterinar Daerah Kerian juga telah diaktifkan dengan penglibatan Pejabat Daerah Kerian.


"Memperketat syarat pindah babi dan produk babi dari negeri Perak ke seluruh Semenanjung Malaysia selain libat urus dan kempen kepada pengusaha ladang babi komersial untuk memperketat biosekuriti ladang," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, JPV menasihatkan orang ramai agar tidak panik kerana penyakit ASF tidak berjangkit kepada manusia.

JPV turut mengesakan penternak agar

membuat laporan dengan kadar segera kepada pejabat perkhidmatan veterinar (PPV) daerah dan PPV negeri berdekatan atau terus ke Hotline Bilik Pengurusan Krisis Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya menerusi talian 03-8870 2041 jika terdapat sebarang kematian luar biasa melebihi lima ekor.

"Penternak juga dinasihatkan untuk tidak menghantar babi ke rumah sembelih sekiranya ada tanda klinikal disyaki penyakit di ladang," katanya.



Kenyataan media dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada Isnin.

Fishermen cautiously weathering stormy sea

By VENESA DEVI

venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: Fishermen are taking precautions to protect themselves while out at sea during the monsoon season.

This includes avoiding fishing alone and not going too far beyond the shoreline, says Johor Southern Fishermen Association chairman Azli Mohd Aziz.

"Most importantly, we should not go out to the sea when it is stormy or when it is raining heavily.

"Fishermen should also not go fishing alone, especially during the monsoon season, as this could put them at higher risk of going missing," he told *The Star*.

He added that they should also inform their family whenever they

go out fishing.

"This is to ensure that there will be people looking for them in case they do not return," Azli Mohd said.

Johor Fishermen's Association chairman Datuk Mohamad Dolmat said they also have to keep abreast of the weather forecast.

"They have to constantly monitor weather conditions and forecasts before deciding whether they should go fishing.

"This is crucial as going out to the sea during bad weather is very dangerous. They could lose their lives.

"Unfortunately, this also means their income is affected as the more they stay on land, the less sea products they get to sell," he said.

Fishermen Jefree Salim, 40, said he could only go out to the sea two



Putting safety first: Johor fishing associations are cautioning members to take care when going out to sea as bad weather rages.

or three times a week lately due to the bad weather.

"It has been raining very frequently these days and for my own safety, I will not go out to the sea on those days.

"On days that I do go fishing, I will go with at least one or two other fishermen and will aim to be home by around noon," he said, adding that his income has been affected.

Harga sayur naik sehingga RM3

Kurang bekalan punca hasil tani dijual lebih mahal di Pasar Chabang Tiga

Oleh Zaid Salim
bznews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Harga beberapa sayur meningkat antara RM1 hingga RM3, berbanding minggu lalu.

Peniaga sayur di Pasar Chabang Tiga, di sini, Norhazana Harun, 32, berkata kenalkan itu kerana cuaca tidak menentu menengakibatkan kekurangan bekalan dari Cameron Highland.

Katanya, sayur berdaun dan buah seperti kubis, bunga kubis, salad bulat, salad pokok dan tomato naik kira-kira RM2 bagi setiap kilogram (kg).

"Hari ini (semalam), harga tomato RM7.50 sekilogram, berbanding minggu lepas RM5 (naik RM2), manakala salad bulat



Mamat (kiri) menyusun pelbagai jenis sayuran di gerai miliknya di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu.

(Foto Zaid Salim/BH)

minggu ini RM8 (minggu lalu RM10). Bunga kobis pula RM13 sekilogram (minggu lalu RM11).

"Lampau kasturi paling ketara, daripada RM8 minggu lepas naik sehingga RM12 sekilogram. Lada besar daripada RM12 meningkat

RM15 minggu ini," katanya.

Bagaimanapun Norhazana berkata, harga beberapa sayur tempatan seperti timun kampung dan kacang panjang turun mendedak berbanding minggu lalu.

"Timun kampung turun se-

kali ganda daripada RM40 bagi setiap 10 kilogram (kg) kepada RM20. Kacang panjang RM10 sekilogram berbanding minggu lepas RM14, iaitu turun RM4.

"Penurunan harga disebabkan bekalan terlalu banyak," katanya.

Pembekal sayur, Mamat Embong, 63, berkata bekalan sayur masih mencukupi, tetapi akan berlaku kenaikan harga bagi beberapa jenis sayur.

"Kenaikan ketara harga sayur mungkin berlaku pertengahan Oktober kerana peralihan Monsun Timur Laut dikatakan berlaku lebih awal berbanding tahun sebelumnya," katanya.

Harga ikan stabil

Harga beberapa ikan seperti selayang, kembong, kerisi dan aya masih stabil.

Peniaga ikan, Mohd Ridzuan A Wahab, 42, dari Kampung Gelugor Haji Tabir, di sini, berkata walaupun cuaca yang tidak menentu, harga ikan masih stabil.

"Dalam beberapa minggu ini, ada peningkatan dan penurunan harga, tetapi sekitar RMI hingga RM2 sahaja.

"Harga bagi ikan bergantung saiz dan keadaan ikan. Kalau se-ling ikan yang sudah dua, tiga hari disimpan dalam air batu.

"Bagi ikan kembong antara RM14 hingga RM18 sekilogram, selayang RM8 dan kerisi RM10," katanya.